

28 APR 1998

Mahathir-Hijrah

KERAJAAN USAHA TINGKATKAN KEMAHIRAN DAN JATI DIRI RAKYAT

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedang berusaha meningkatkan kemahiran rakyat terutamanya dalam bidang sains dan teknologi dan pada masa yang sama mahu rakyat mempunyai jati diri yang kental serta berakhlak tinggi.

Perdana Menteri berkata ia adalah satu peningkatan jika rakyat khususnya umat Islam di Malaysia mahir di bidang sains dan teknologi kerana ia menjadikan umat Islam lebih maju.

"Tidak ada gunanya seseorang yang mempunyai kemahiran tetapi akhlaknya rendah kerana ia boleh merosakkan diri sendiri, masyarakat dan negara," kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluan pada program perhimpunan sambutan Maal Hijrah 1419H di Pusat Islam di sini, hari ini.

Perhimpunan peringkat kebangsaan yang bertemakan "Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita" itu dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar. Kira-kira 1,300 orang umat Islam menghadiri perhimpunan itu.

Dr Mahathir berkata hasrat meningkatkan kemahiran rakyat dengan mempunyai jati diri dan berakhlak mulia adalah selaras dengan tujuan ajaran Islam iaitu untuk membina insan dan meningkatkan akhlak.

Beliau berkata walaupun negara menghadapi krisis ekonomi, ia tidak akan mengurangkan semangat dan usaha kerajaan membangunkan negara.

"Membangunkan negara bererti membangunkan umat. Usaha membangunkan umat adalah jalan ke arah membangunkan agama. Agama tidak boleh dibangunkan jika umatnya lemah dan mundur," katanya.

Perdana Menteri berkata antara usaha kerajaan membangunkan agama dan umat ialah melalui pembangunan pendidikan dan kejayaan yang dikecapi hasil usaha itu ialah kurangnya kadar buta huruf, kemiskinan dan pengangguran.

Pada masa kini kadar buta huruf di Malaysia ialah 12 peratus, kadar kemiskinan 8.9 peratus dan kadar pengangguran sebanyak 2.5 peratus.

"Sementara negara kita telah mencapai tahap pengurangan buta huruf kepada kurang 12 peratus, purata kadar buta huruf di dunia hari ini adalah pada tahap yang amat tinggi iaitu 40 peratus. -- BERNAMA

HS PR